

Dr. Mahathir mohon maaf

UM 2, 1 JUN 2002

KUALA LUMPUR 20 Jun — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad beberapa kali memohon maaf kepada orang Melayu ketika menegur dan membuat penilaian terhadap sikap, kedudukan dan keupayaan mereka sepanjang menyampaikan ucapan dasarnya pada Perhimpunan Agung UMNO hari ini.

Sambil meminta maaf, Perdana Menteri berkata, sikap malas dan gemar mencari jalan mudah dan pantas adalah punca kepada kegagalan orang Melayu walaupun setelah dibantu dengan pelbagai kemudahan dan wang.

Katanya: "Jika mereka tidak berjaya setelah diberi peluang berkali-kali, sete-

lah dibantu dengan pelbagai kemudahan dan juga wang, sebabnya ialah (di sini saya pohon ampun dan maaf daripada orang Melayu) kerana mereka tidak rajin dan suka kepada jalan yang mudah dan cepat, tidak kira akibatnya."

Dr. Mahathir berkata, beliau telah berusaha sedaya upaya menukar prestasi orang Melayu serta mengubah persepsi terhadap orang Melayu.

"Saya pohon maaf kerana kegagalan saya," katanya.

Dr. Mahathir mengakui bahawa sesungguhnya beliau berasa amat malu menyatakan semua ini terutama di khalayak ramai.